



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

DOKUMEN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : LPB/600/Q04/2026

TAJUK SEBUT HARGA

SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGGANTIKAN *WINDOW BLINDS* DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN BINTULU, MENARA KIDURONG

Tarikh Iklan : 23 Februari 2026

Tarikh Tutup : 10 Mac 2026 Jam 12.00 Tengahari

Kod Bidang : Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 020102 Barangan Hiasan Dalaman Dan Aksesori.

LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
(BINTULU PORT AUTHORITY)
Aras Lobi, 5, 8, 9 & 10
Menara Kidurong
Jalan Tanjung Kidurong
97007 Bintulu
Sarawak Malaysia
Tel : 086-232815/ 086-232822
Faks: 086-251300

ISI KANDUNGAN



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

LPB/600/Q04/2026

SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGGANTIKAN *WINDOW BLINDS* DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN BINTULU, MENARA KIDURONG

Satu (1) set Dokumen Pelawaaan Sebut harga terdiri daripada dokumen-dokumen seperti berikut:-

Jadual 1

BIL	PERKARA			Catatan
1	Senarai Semak Penghantaran Dokumen Sebut Harga			Bahagian ini hendaklah diisi dan dilengkapi oleh Penyebutharga
2	Notis Sebut harga			Makluman & Perhatian Penyebut harga
3	Arahan dan syarat-syarat kepada Penyebut harga			
4	Lampiran A	-	Skop Perkhidmatan dan Spesifikasi Teknikal	
5	Lampiran A1	-	Jadual 1: Jumlah Dan Lokasi Pembekalan	
6	Lampiran A2		Pelan Lokasi Aras Lobi	
7	Lampiran A3		Pelan Lokasi Aras 1	
8	Lampiran A4		Pelan Lokasi Aras 2	
9	Lampiran A5		Pelan Lokasi Aras 5	
10	Lampiran A6		Pelan Lokasi Aras 8	
11	Lampiran A7		Pelan Lokasi Aras 9	
12	Lampiran A8		Pelan Lokasi Aras 10	

BIL	PERKARA			Catatan
Bahagian A				
1	Lampiran B	-	Borang Sebut harga (Lampiran Q)	Lampiran B,C,E,F,G dan H perlu diisi dan dilengkapkan oleh Penyebutharga seperti di dalam jadual perenggan 7.0 Arahan kepada Penyebut harga
2	Lampiran C	-	Ringkasan Tawaran Harga/ <i>Bill Of Quantity</i>	
3	Lampiran D	-	Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah	
4	Lampiran E	-	Keterangan Mengenai Syarikat	
5	Lampiran F	-	Surat Akuan Pembida	
6	Lampiran G	-	Surat Perwakilan Kuasa	
7	Lampiran H	-	Pengalaman Syarikat	
8	Lampiran I	-	Format Bon Pelaksanaan (untuk makluman Penyebut harga)	
Bahagian B				
1	Lampiran I	-	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia	Penyebut harga hendaklah melampirkan dokumen-dokumen yang dinyatakan seperti perenggan 9.2 Arahan Kepada Penyebut harga mengikut turutan lampiran I Sehingga Lampiran IX yang telah disediakan
2	Lampiran II	-	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (Jika Ada)	
3	Lampiran III	-	Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit yang bertauliah bagi dua (2) tahun kewangan yang terakhir bagi syarikat Sdn. Bhd.	
4	Lampiran IV	-	Penyata bank/ salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini berturut-turut	
5	Lampiran V	-	Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM) atau Perniagaan (ROB), yang mana berkenaan	
6	Lampiran VI	-	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri (<i>Optional</i>)	
7	Lampiran VI	-	Salinan lesen untuk menjalankan Agensi Persendirian (<i>Optional</i>)	
8	Lampiran VIII	-	Satu (1) set Profil Syarikat	

BIL	PERKARA			Catatan
9	Lampiran IX	-	Tiga (3) pilihan warna/fabrik yang bersesuaian dengan persekitaran pejabat.	

**Nota: Penyebut harga hendaklah mengemukakan satu Set Dokumen Pelawaan
Sebut harga di Jadual 1 dalam sampul Tawaran**

SENARAI SEMAK PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

**SENARAI SEMAKAN
PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Tandakan (☒) - Jika dokumen disertakan di ruangan yang berkenaan dan masukkan lampiran-lampiran yang berkenaan MENGIKUT TURUTAN di dalam sampul tawaran.

Bil.	Perkara/Dokumen (Dimasukkan ke dalam sampul Tawaran)	Untuk Di Tanda Oleh Syarikat	Untuk Di Tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
A	Borang Sebut harga Lampiran B,C,E,F,G dan H perlu diisi dan dilengkapkan Oleh Penyebutharga seperti di dalam Jadual perenggan 7.0 Arahan kepada Penyebut harga		
1	Senarai Semakan Penghantaran Dokumen Sebut Harga	☐	☐
2	Lampiran B - Borang Sebutharga (Lampiran Q)	☐	☐
3	Lampiran C - Summary Of Quotation	☐	☐
4	Lampiran D - Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah (untuk makluman Penyebut harga)	Tidak berkenaan	
5	Lampiran E - Keterangan Mengenai Syarikat	☐	☐
6	Lampiran F - Surat Akuan Pembida	☐	☐
7	Lampiran G - Surat Perwakilan Kuasa	☐	☐
8	Lampiran H - Pengalaman Syarikat	☐	☐
9	Lampiran I - Format Bon Pelaksanaan (untuk makluman Penyebut harga)	Tidak berkenaan	
B	Penyebut harga hendaklah melampirkan dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 9.2 Arahan Kepada Penyebut harga mengikut Lampiran disediakan		
1	Lampiran I - Salinan Sijil Akuan Pendaftaran berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia	☐	☐
2	Lampiran II - Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (Jika Ada)	☐	☐
3	Lampiran III - Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit yang bertauliah bagi dua (2) tahun kewangan yang terakhir bagi syarikat Sdn. Bhd.	☐	☐
4	Lampiran IV - Penyata bank/ salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini berturut-turut	☐	☐
5	Lampiran V - Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM) atau Perniagaan (ROB), yang mana berkenaan	☐	☐
6	Lampiran VI - Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri (Optional)	☐	☐
7	Lampiran VII - Salinan lesen untuk menjalankan Agensi Persendirian (Optional)	☐	☐
8	Lampiran VIII - Satu (1) set Profil Syarikat	☐	☐

Bil.	Perkara/Dokumen (Dimasukkan ke dalam sampul Tawaran)			Untuk Di Tanda Oleh Syarikat	Untuk Di Tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
9	Lampiran IX	-	Tiga (3) pilihan warna/fabrik yang bersesuaian dengan persekitaran pejabat.	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Cop Syarikat:	UNTUK KEGUNAAN JABATAN Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada). Tandatangan Pembuka I: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan Pembuka II: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan Pembuka III: Nama: Jawatan: Tarikh:
---	---

NOTIS SEBUT HARGA



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada penyebut harga-penyebut harga yang berkelayakan seperti berikut:-

NO. KOD DAN TAJUK SEBUT HARGA	TARIKH DIKELUARKAN	TARIKH & MASA TUTUP	LAWATAN TAPAK DAN PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	KELAYAKAN
LPB/600/Q04/2026 SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGGANTIKAN WINDOW BLINDS DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN BINTULU, MENARA KIDURONG	23 Februari 2026	10 Mac 2026 Jam 12.00 Tengahari	Tempat: Lembaga Pelabuhan Bintulu, Aras 9, Bahagian Kejuruteraan Menara Kidurong, KM 12, Jalan Tanjung Kidurong, 97007, Bintulu, Sarawak Tarikh: 25 Februari 2026 Masa: 10.00 Pagi Pegawai yang boleh dihubungi: En. Terry Petrus Ak Tawi 086-232832 En. Solleh Bin Osman 086-232882 Pn. Kelimi Ak Undau 086-232884	Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera dan bukan Bumiputera berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti berikut: 020102 - Barangan Hiasan Dalaman Dan Aksesori

2. **Dokumen Sebut Harga** boleh diperolehi mulai **23 Februari 2026** melalui laman web rasmi Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) di alamat www.bpa.gov.my.



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

NOTIS SEBUT HARGA

3. **LPB** tidak menyediakan salinan *hardcopy* **Dokumen Sebut Harga** tersebut dan adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga untuk memuat turun Dokumen Sebut Harga daripada laman web yang disediakan. Sebarang kos percetakan dan penghantaran adalah ditanggung sepenuhnya oleh penyebut harga.
4. Kegagalan penyebut harga mematuhi arahan kepada penyebut harga yang dilampirkan bersama Dokumen Sebut Harga boleh menyebabkan tawaran/ sebut harga yang dikemukakan oleh penyebut harga ditolak.
5. Pihak **LPB** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.
6. Penyebut harga adalah dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat sebut harga seperti di bawah:-
 - 6.1 Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** bagi memberi kemudahan kepada penyebut harga untuk mengenalpasti keperluan peralatan dan keluasan kawasan bagi tujuan penawaran harga sebut harga. Dalam hal ini, sekiranya penyebut harga mahu melawat sendiri kawasan atau tapak, amalan penjarakan, penggunaan *hand sanitizer* dan *pemakaian face mask* adalah perlu diteruskan. Penyebut harga dikehendaki membawa bersama Cop Rasmi syarikat;
 - 6.2 Tempat, tarikh, masa dan pegawai yang boleh dihubungi adalah seperti dalam Jadual di atas;
 - 6.3 Kegagalan penyebut harga menghadiri lawatan tapak boleh menyebabkan tawaran penyebut harga akan ditolak;
 - 6.4 Semasa menghadiri lawatan tapak, penyebut harga dikehendaki membawa Sijil Asal Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) atau Salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, LPIPM (CIDB) yang telah disahkan oleh pegawai dari pejabat pengeluar;
 - 6.5 Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen-dokumen sebut harga dikepilkan dengan kemas dan teratur. Pihak **LPB** tidak bertanggungjawab di atas kehilangan sebarang dokumen; dan
 - 6.6 Borang Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan tertutup dengan ditulis Tajuk Sebut Harga, No. Sebut Harga dan



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

NOTIS SEBUT HARGA

Tarikh Tutup di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat seperti berikut:-

**Lembaga Pelabuhan Bintulu
Aras 9, Sekyen Kewangan, Perolehan & Aset
Menara Kidurong, Jalan Tanjung Kidurong
97007 Bintulu, Sarawak**

7. Sampul yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Seksyen Kewangan, Perolehan & Aset seperti di alamat di atas sebelum atau pada 10 Mac 2026 jam 12.00 tengahari.
8. **Sebut Harga yang lewat diterima daripada tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.**

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGGANTIKAN *WINDOW BLINDS* DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU, MENARA KIDURONG**

1.0 ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

Arahan dan syarat-syarat kepada Penyebut harga ini akan menjadi sebahagian daripada kontrak antara Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) dan Penyebut harga. Penyebut harga dikehendaki untuk membaca dan memahami isi kandungan arahan dan syarat-syarat ini semasa melengkapkan Dokumen Sebut harga.

2.0 KELAYAKAN PENYEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **Bumiputera dan Bukan Bumiputera** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **020102- Barangan Hiasan Dalaman Dan Aksesori**.

3.0 TEMPOH PERKHIDMATAN

- 3.1 Tempoh kontrak adalah selama **enam puluh (60) hari** kalendar (*calendar days*) mulai dari tarikh pengeluaran Arahan Mula Kerja.
- 3.2 Penyebut harga hendaklah memaklumkan terlebih dahulu kepada LPB sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum apa-apa penghantaran dibuat.
- 3.3 Pegawai Pengawas berhak membuat pemeriksaan terhadap item serta jumlah item yang dibekalkan sebelum penyerahan dibuat. Sekiranya Pegawai Pengawas tidak berpuas hati dengan item dan/atau jumlah item yang dibekalkan, pegawai pengawas berhak memulangkan semula item tersebut dan digantikan item yang difikirkan berkualiti oleh Pegawai Pengawas.
- 3.4 Penyebut harga adalah **diwajibkan untuk mengisi ruangan tarikh penyerahan/penyempurnaan penghantaran mengikut kemampuan Penyebut harga pada perkara 2.2 di mukasurat satu (1) Borang Sebut harga (Lampiran Q)**. Kegagalan Penyebut harga berbuat demikian boleh menyebabkan sebut harga ditolak. Walaubagaimanapun, keutamaan adalah diberi kepada Penyebut harga yang berkemampuan untuk melaksanakan kerja dalam tempoh yang telah ditetapkan

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGGANTIKAN WINDOW BLINDS DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU, MENARA KIDURONG**

4.0 PERUBAHAN DAN PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK

Pelawaan sebut harga ini boleh dipertimbangkan perubahan dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

5.0 LAWATAN TAPAK

Dalam mengemukakan Sebut harga ini, pihak kontraktor adalah digalakkan untuk hadir lawatan tapak Sebut Harga. Tiada pertimbangan untuk kos tambahan akan dilayan daripada penyebut harga atas alasan kurang pengetahuan dan maklumat tentang sebut harga jika sebut harga diterima.

Mana-mana maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh Pegawai Penguasa (*Superintending Officer, SO*) tidak akan melepaskan penyebut harga dari tanggungjawabnya di bawah peruntukan klausa ini. SO tidak memberi apa-apa jaminan ke atas maklumat dan dokumen sama ada merujuk kepada kelengkapan atau kesahihannya ataupun secara mana maklumat dan dokumen yang dikemukakan harus diterjemahkan. Penyebut harga hendaklah mengguna dan menterjemahkan maklumat dan dokumen ini atas risikonya sendiri.

Butiran berkenaan lawatan tapak adalah seperti berikut:

Lokasi Pendaftaran	: Lembaga Pelabuhan Bintulu, Aras 8, Bahagian Operasi Menara Kidurong, KM 12, Jalan Tanjung Kidurong, 97007, Bintulu, Sarawak
Tarikh	: 25 Februari 2026
Masa	: 10.00 Pagi
Pegawai Dihubungi 1 No. Tel	: En. Terry Petrus Ak Tawi 086-232832
Pegawai Dihubungi 2 No. Tel	: En. Solleh Bin Osman 086-232882
Pegawai Dihubungi 3 No. Tel	: Pn. Kelimi Ak Undau 086-232884

Kegagalan penyebut harga untuk hadir ke lawatan tapak akan menyebabkan tawaran tidak dapat dipertimbangkan

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGGANTIKAN WINDOW BLINDS DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU, MENARA KIDURONG**

6.0 SKOP BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA

Skop Perkhidmatan dan Spesifikasi Teknikal adalah seperti di **Lampiran A**.

7.0 DOKUMEN PENYEBUT HARGA

Satu (1) set Dokumen Sebut harga terdiri daripada dokumen-dokumen seperti berikut:-

BIL.	PERKARA	
1	Arahan dan syarat-syarat kepada Penyebut harga	
2	TAWARAN TEKNIKAL	
	Lampiran A	Skop Perkhidmatan dan Spesifikasi Teknikal
	Lampiran A1	Jadual 1: Jumlah Dan Lokasi Pembekalan
	Lampiran A2	Pelan Lokasi Aras Lobi
	Lampiran A3	Pelan Lokasi Aras 1
	Lampiran A4	Pelan Lokasi Aras 2
	Lampiran A5	Pelan Lokasi Aras 5
	Lampiran A6	Pelan Lokasi Aras 8
	Lampiran A7	Pelan Lokasi Aras 8
	Lampiran A8	Pelan Lokasi Aras 10
3	TAWARAN KEWANGAN	
	Lampiran B	Borang Sebut harga (Lampiran Q)
	Lampiran C	Ringkasan Tawaran Harga/ <i>Bill Of Quantity</i>
	Lampiran D	Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah
	Lampiran E	Keterangan Mengenai Syarikat
	Lampiran F	Surat Akuan Pembida
	Lampiran G	Surat Perwakilan Kuasa
	Lampiran H	Pengalaman Syarikat
	Lampiran I	Format Bon Pelaksanaan

8.0 SEBUT HARGA

Penyebut harga adalah dikehendaki untuk melengkap dan menandatangani satu salinan Dokumen Sebut harga yang telah diberikan kepada mereka.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGGANTIKAN WINDOW BLINDS DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU, MENARA KIDURONG**

- 8.1 Dalam kes usaha sama, semua yang terlibat dalam usaha sama adalah dikehendaki untuk menandatangani Borang Sebut harga. Borang Sebut harga yang tidak ditandatangani dan tidak lengkap adalah tidak layak untuk dipertimbangkan.
- 8.2 Semua butiran dan maklumat yang hendak diisi ke dalam Borang Sebut harga hendaklah ditulis dengan terang menggunakan dakwat. Pemadam tidak boleh digunakan dan mana-mana pembetulan atau kesilapan hendaklah digaris dengan elok dan semua pembetulan hendaklah diperakukan.
- 8.3 Sebut harga hendaklah disebutkan dalam **Ringgit Malaysia**.
- 8.4 Sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan sempurna. Mana-mana Sebut harga yang tidak diisi dengan lengkap dan sempurna boleh mengakibatkan Sebut harga tidak dipertimbangkan.

9.0 MAKLUMAT LATARBELAKANG KEWANGAN DAN PRESTASI

- 9.1 Penyebut harga hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan Penyebut harga untuk melaksanakan projek yang disebut harga, di samping kemunasabahan harga sebut harga. Justeru itu, keupayaan sebut harga akan dinilai semasa penilaian sebut harga. Penilaian ini akan dibuat berdasarkan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, kakitangan/pekerja dan prestasi kerja semasa Penyebut harga.
- 9.2 Bagi memudahkan penilaian ini dibuat, Penyebut harga dikehendaki untuk mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama sebut harga yang dikemukakan:-
 - (a) Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit yang bertauliah bagi dua (2) tahun kewangan yang terakhir bagi syarikat Sdn. Bhd;
 - (b) Penyata bank/ salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini berturut-turut;
 - (c) Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM);
 - (d) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia;
 - (e) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia;
 - (f) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri;

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGGANTIKAN *WINDOW BLINDS* DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU, MENARA KIDURONG**

- (g) Salinan lesen untuk menjalankan Agensi Persendirian; dan
- (h) Satu (1) set Profil Syarikat.

10.0 PENYERAHAN SEBUT HARGA

- 10.1 Dokumen Sebut harga yang perlu dikemukakan adalah seperti di dalam jadual yang tertera di bawah **perenggan 7.0** dan dokumen-dokumen yang dinyatakan di bawah **perenggan 9.2**.
- 10.2 Dokumen Sebut harga hendaklah disediakan dalam dua (2) salinan. Salinan asal dicop sebagai '*Asal*' atau '*Original*' manakala dokumen salinan dicop sebagai '*Salinan*' atau '*Duplicate*'.
- 10.3 Para Penyebut harga HANYA DIBENARKAN menulis nama atau tanda perniagaan di dalam dokumen salinan asal sahaja. Para Penyebut harga DILARANG SAMA SEKALI menandakan/meletakkan apa-apa nama dan/atau tanda perniagaan yang membawa maksud pengenalan/identiti Penyebut harga di dalam satu (1) dokumen salinan tersebut.
- 10.4 Kedua-dua salinan dokumen sebut harga yang telah sempurna tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul yang ditutup dan berlakri serta ditanda dengan jelas seperti berikut :-

SEBUT HARGA NO.:LPB/600/Q04/2026 – SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGGANTIKAN <i>WINDOW BLINDS</i> DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN BINTULU, MENARA KIDURONG
--

tanpa apa-apa tanda dengan cara mana identiti Penyebut harga boleh dikenalpasti. Sampul yang mengandungi dokumen di atas hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga dan dialamatkan kepada:-

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
PETI SURAT BOX 296
97007, BINTULU, SARAWAK**

pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada hari yang dinyatakan dalam iklan Sebut harga. Mana-mana Sebut harga yang dikemukakan selepas masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGGANTIKAN *WINDOW BLINDS* DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU, MENARA KIDURONG**

- 10.5 Sebut harga menggunakan telegraf atau telek atau faks adalah tidak diterima sama sekali.
- 10.6 LPB tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
- 10.7 LPB tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa perbelanjaan dan kerugian yang mungkin ditanggung oleh Penyebut harga semasa menyedia dan menghantar sebut harga.
- 10.8 Syarikat-syarikat yang ingin berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia boleh berbuat demikian secara atas talian di <http://home.eperolehan.com.my> atau boleh menghubungi Khidmat Bantuan Pelanggan ePerolehan di talian 03-7985 7777/ 03-7985 7888 atau emel bantuan@eperolehan.gov.my.
- 10.9 Iklan Sebut harga ini juga boleh dirujuk di laman web LPB di alamat <https://www.bpa.gov.my>.

11.0 TEMPOH SAHLAKU SEBUT HARGA

Sebut harga yang telah diterima daripada Penyebut harga adalah terbuka untuk penerimaan atau penolakan untuk tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh Sebut harga ditutup. Penyebut harga yang berjaya akan dimaklumkan oleh LPB dalam tempoh ini. Penyebut harga adalah dipelawa untuk melawat laman web LPB untuk melihat keputusan sebut harga di https://www.bpa.gov.my/web/home/sebut_harga_result atau di Papan Notis Iklan LPB.

12.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 12.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.
- 12.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGGANTIKAN *WINDOW BLINDS* DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU, MENARA KIDURONG**

yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat SPRM atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

- 12.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Penyebut harga atau Penyebut harga boleh diambil tindakan sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah Akta SPRM 2009.
- 12.4 Mana-mana Penyebut harga atau Penyebut harga yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini, walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi, dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

13.0 INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- 13.1 Perkara ini adalah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan/ Perolehan Kerajaan melalui PP/PK 1.6: Integriti Dalam Perolehan Kerajaan.
- 13.2 Kesemua Penyebut harga yang menghantar dokumen hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida (nama penandatanganan akuan hendaklah seperti mana yang disenaraikan di Modul Pendaftaran Penyebut harga) yang mengandungi pengakuan bahawa:
- (i) Penyebut harga tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.
 - (ii) Kesemua maklumat tawaran dan lampiran yang dikemukakan adalah benar dan tepat.
 - (iii) Sekiranya Penyebut harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (withhold) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, tawarannya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.
 - (iv) Penyebut harga yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak LPB juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGGANTIKAN *WINDOW BLINDS* DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU, MENARA KIDURONG**

14.0 HARGA INDIKATIF JABATAN

- 14.1 Harga indikatif jabatan bagi sebut harga ini adalah berjumlah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Lapan Belas Ribu Empat Ratus Enam Puluh Sahaja (RM218,460.00)** tidak termasuk Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan.
- 14.2 Harga Indikatif ini merupakan suatu anggaran sahaja dan jumlah tersebut tidak mengikat Lembaga Pelabuhan Bintulu atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- 14.3 Pihak Lembaga Pelabuhan Bintulu juga tidak menjamin bahawa Syarikat akan dipilih atau boleh menyempurnakan bekalan dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

15.0 HARGA TAWARAN

- 15.1 Harga Tawaran Penyebut harga hendaklah diisi dalam **Lampiran B dan Lampiran C** Sebut harga ini. Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos bersangkutan dengan sebut harga No. **LPB/600/Q04/2026 – Sebut harga Membekal, Menghantar, Memasang Dan Menggantikan *Window Blinds* Di Pejabat Lembaga Pelabuhan Bintulu, Menara Kidurong.**
- 15.2 Harga-harga yang ditawarkan dalam tawaran ini adalah tetap, harga bersih dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan tidak boleh dipinda selepas penawaran sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dan dalam tempoh sah laku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh Penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan KECUALI atas persetujuan kedua-dua pihak.
- 15.3 Borang Lampiran Q dan Ringkasan Harga Tawaran/ *Bill Of Quantity* hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas bagi setiap butiran yang dimasuki. Penggunaan “ditto” atau “seperti di atas” tidak boleh digunakan.
- 15.4 Bagi ruangan yang kosong, misalnya tidak ada apa-apa maklumat yang hendak dicatatkan mestilah ditulis dengan perkataan “Tidak Berkenaan”.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGGANTIKAN WINDOW BLINDS DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU, MENARA KIDURONG**

- 15.5 Penyebut harga boleh mengemukakan tawaran berasaskan kepada *Nett Delivered/ FOB/ CIF/ Ex-Work/ FCA*. Penjelasan mengenai terma-terma ini adalah seperti di bawah:

15.5.1 *Nett Delivered:*

Ini adalah harga bersih termasuk kos pembungkusan, kos pemunggahan dan kos penghantaran serta kos-kos lain yang berkaitan ke destinasi terakhir/ pengguna yang telah ditentukan; dan

Harga adalah tidak termasuk Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP).

15.5.2 *Free On Board (FOB):*

Penyebut harga mesti memuat barangan import ke dalam kapal dan urusan penghantaran hendaklah dikendalikan oleh syarikat bagi perkhidmatan *Multimodal Transport Operator* (MTO) yang dilantik oleh agensi serta insurans ditanggung oleh LPB.

Semua barangan import tersebut hendaklah dihantar terus dari pelabuhan memuat (*port of loading*) negara asal barangan (*country of origin*) ke pengkalan punggah (*port of discharge*) di mana-mana pangkalan di Malaysia sebelum dihantar ke destinasi akhir.

Perolehan yang diimport dan dibekalkan melalui pelabuhan negara kedua tidak dibenarkan sama sekali.

15.5.3 *Cost, Insurance & Freight (CIF):*

Penyebut harga mesti membayar kos dan tambang untuk membawa masuk barangan ke destinasi pengkalan dan insurans perlu ditanggung oleh pihak Penyebut harga.

15.5.4 *Ex-Work (EXW):*

Penyebut harga menjamin barangan tersebut telah berada di premis Penyebut harga dan Penyebut harga bertanggungjawab ke atas semua kos

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGGANTIKAN *WINDOW BLINDS* DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU, MENARA KIDURONG**

15.5.5 *Free Carrier (FCA)*:

Semua urusan pengangkutan dan insurans diuruskan oleh pembeli/ agensi bermula dari tempat barangan diterima.

15.6 CUKAI

15.6.1 Semua tawaran harga oleh Penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan (CJCP). Sekiranya bekalan atau perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan CJCP dan Penyebut harga yang berjaya adalah syarikat berdaftar CJCP dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), maka LPB perlu menawarkan nilai perolehan termasuk kenaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan.

15.6.2 Penyebut harga hendaklah memaklumkan LPB supaya CJCP boleh dibayar oleh LPB Kegagalan atau kelewatan Penyebut harga untuk memaklumkan kepada LPB mengenai status Pendaftaran CJCP dengan JKDM akan menyebabkan Penyebutharga perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada LPB melalui kontrak yang dimeterai.

15.7 LPB tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran. Bagaimanapun, harga yang ditawarkan oleh Penyebut harga bukanlah nilai kontrak muktamad yang akan ditetapkan oleh LPB sekiranya berjaya di dalam penawaran sebut harga ini.

16.0 MATA WANG

Tawaran harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17.0 PEMBUKAAN SEBUT HARGA

LPB berhak untuk tidak mengeluarkan apa-apa maklumat mengenai setiap Sebut harga yang telah dibuka.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGGANTIKAN *WINDOW BLINDS* DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU, MENARA KIDURONG**

18.0 PERSETUJUAN PENERIMAAN TAWARAN

- 18.1 LPB tidak terikat untuk menyetujui terima tawaran sebut harga yang terendah atau mana-mana tawaran. LPB berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran sebut harga daripada mana-mana Penyebut harga yang menyertai sebut harga.
- 18.2 LPB berhak untuk mengadakan perbincangan/ rundingan lanjut dengan Penyebut harga yang disenarai pendek berhubung dengan terma- terma tertentu untuk tawaran yang akan disetujui terima. Hak LPB untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat LPB menyetujui terima keputusan rundingan.
- 18.3 LPB juga berhak untuk mengadakan bidaan di kalangan Penyebut harga yang disenarai pendek untuk tawaran yang akan disetujui terima.
- 18.4 LPB boleh mengemukakan penjelasan berhubung proses perolehan (*debriefing*) ke atas mana-mana permohonan daripada Penyebut harga secara rasmi melalui surat/ e-mel kepada LPB dalam tempoh lima (5) hari mulai tarikh keputusan Pihak Berkuasa Melulus dipaparkan di dalam portal rasmi LPB melalui pautan <https://www.bpa.gov.my/>
- 18.5 Keputusan LPB adalah muktamad tertakluk kepada bantahan yang diterima.
- 18.6 Tindakan tatatertib boleh diambil oleh LPB terhadap Penyebut harga yang menarik balik tawaran sebelum tawaran dipertimbangkan atau Penyebut harga yang menolak tawaran setelah SST dikeluarkan oleh LPB atau Penyebut harga tidak membekal atau memberi perkhidmatan setelah mengembalikan SST yang telah ditandatangani.

19.0 INTERPRETASI DOKUMEN

Jika terdapat keraguan ke atas maksud sebenar mana-mana bahagian daripada Dokumen Sebut harga, Penyebut harga hendaklah dengan seberapa segera yang boleh, tetapi tidak kurang dari sepuluh (10) hari sebelum tarikh penutupan Sebut harga, memaklumkan kepada LPB dan meminta penjelasannya mengenai keraguan tersebut sebelum mengemukakan Sebut harga. Intepretasi atau penjelasan ke atas Dokumen Sebut harga hanyalah sah jika ianya dibuat menerusi addenda yang dikeluarkan secara formal oleh LPB seperti dijelas dalam perkara 20 di bawah.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGGANTIKAN *WINDOW BLINDS* DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU, MENARA KIDURONG**

20.0 ADDENDA/ PINDAAN

Apa-apa perkara dalam perjanjian ini boleh dipinda dan sebarang perubahan, modifikasi, penambahan, pembatalan atau pindaan hendaklah dipersetujui secara bertulis oleh kedua-dua pihak dan boleh dilakukan dari semasa ke semasa.

21.0 PELANGGARAN SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

Penyebut harga yang tidak mematuhi syarat-syarat sebut harga boleh dikenakan tindakan seperti berikut:-

21.1 Kesalahan Melanggar Syarat Sebut harga

- i) Menarik diri
- ii) Pakatan harga
- iii) Tidak menyerahkan Bon Pelaksanaan
- iv) Me malsukan maklumat dengan tujuan menyertai sebut harga
- v) Menerima dan memberi rasuah

21.2 Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Kontrak

- i) Lewat menyiapkan kerja
- ii) Tidak menepati spesifikasi
- iii) "Sub Kontrak" tanpa persetujuan LPB
- iv) Menerima dan memberi rasuah

21.3 Jenis-Jenis Tindakan/ Hukuman

- i) Amaran
- ii) Denda
- iii) Penamatan kontrak
- iv) Batal tajuk pendaftaran
- v) Gantung pendaftaran
- vi) Senarai hitam syarikat
- vii) Merampas bon pelaksanaan

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGGANTIKAN *WINDOW BLINDS* DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU, MENARA KIDURONG**

**22.0 HAK LPB APABILA BEKALAN/ PERKHIDMATAN/ KERJA YANG
DILAKSANAKAN TIDAK MENGIKUT TERMA-TERMA DAN SYARAT-
SYARAT**

22.1 Jika bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang dilaksanakan tidak mengikut atau jika berlaku pelanggaran mana-mana terma-terma dan syarat-syarat kontrak ini, LPB boleh mengambil tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara berikut:-

22.1.1 menolak perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dan meminta Penyebut harga menggantikan bekalan/ perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh LPB. Jika perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya tidak diganti dalam masa yang ditentukan, LPB boleh mendapatkan perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya daripada lain-lain punca dan Penyebut harga dikehendaki membayar amaun yang dikenakan kepada LPB;

22.1.2 menamatkan kontrak ini dan melantik pihak lain untuk melaksanakan perkhidmatan;

22.1.3 mengambil atau merampas keseluruhan atau sebahagian jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan, jika ada; dan

22.1.4 mengenakan denda sepertimana yang telah ditetapkan dalam Surat Setuju Terima.

23.0 DENDA/ TOLAKAN/ *LIQUIDATED ASCERTAINED DAMAGES (LAD)*

23.1 Penyebut harga dikehendaki melaksanakan pembekalan barang/ perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti bekalan/ perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak LPB setelah pesanan/ arahan dikeluarkan oleh LPB. Sekiranya Penyebut harga gagal melaksanakan pembekalan barang/ perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, LPB berhak membatalkan pesanan/ arahan yang dikeluarkan dan/ atau mengenakan *Denda/ Tolakan/ *Liquidated & Ascertained Damages (LAD)* mengikut kadar yang termaktub di dalam kontrak.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGGANTIKAN WINDOW BLINDS DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU, MENARA KIDURONG**

- 23.2 Kadar bagi kenaikan LAD untuk bekalan/ perkhidmatan (keseluruhan perolehan gagal disempurnakan) adalah seperti berikut:

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times \text{bilangan hari lewat} \\ (\text{calendar days})$$

- 23.3 Kadar bagi denda untuk bekalan/perkhidmatan (sebahagian perolehan gagal disempurnakan) adalah seperti berikut:

$$0.1\% \times \text{Nilai Kontrak} \times \text{Bilangan Hari Lewat} (\text{calendar days})$$

- 23.4 Kadar bagi denda untuk perkhidmatan sewaan peralatan:

$$\text{Perkhidmatan: } A \times B \times C \times 1\%$$

A : Nilai sewaan peralatan sebulan.

B : Bilangan hari yang lewat (calendar days).

C : Bilangan peralatan.

- 23.5 LPB berhak untuk melantik mana-mana pihak ketiga bagi melaksanakan dan menyempurnakan apa-apa tugas atau tanggungjawab yang gagal disempurnakan oleh Penyebut harga dalam tempoh yang ditetapkan dengan apa-apa kos yang terlibat ditanggung sepenuhnya oleh Penyebut harga.
- 23.6 Sekiranya LPB mendapati Penyebut harga masih gagal meremedikan atau menyempurnakan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab di bawah kontrak ini selepas tempoh yang ditetapkan, LPB adalah berhak untuk menamatkan kontrak ini menerusi satu Notis Penamatan kepada Penyebut harga.

24.0 SURAT SETUJU TERIMA

- 24.1 LPB adalah berhak menyetujui terima sebut harga tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagian daripadanya. LPB tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.
- 24.2 Keputusan LPB adalah muktamad. LPB tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada Penyebut harga-Penyebut harga mengenai sebab-sebab tawaran mereka tidak berjaya.
- 24.3 Penyebut harga yang berjaya akan dimaklumkan melalui Surat Setuju Terima (SST). Penyebut harga yang berjaya adalah terikat dengan

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGGANTIKAN WINDOW BLINDS DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU, MENARA KIDURONG**

tempoh dan skop perkhidmatan yang telah ditetapkan di dalam SST yang akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

- 24.4 Tempoh penyerahan SST yang telah ditandatangani oleh Penyebut harga adalah tidak melebihi empat belas (14) hari *calendar* selepas penerimaan SST oleh Penyebut harga. Kegagalan Penyebut harga menyerahkan kembali SST yang telah ditandatangani dalam tempoh empat belas (14) hari boleh mengakibatkan pembatalan SST oleh LPB.

25.0 BON PELAKSANAAN

- 25.1 Bagi kontrak bekalan/perkhidmatan, Penyebut harga yang Berjaya hendaklah mengembalikan SST yang telah lengkap diisi dan ditandatangani beserta Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan yang nilainya adalah seperti berikut: -

25.1.1 2.5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00; atau

25.1.2 5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00.

25.1.3 Bagi kontrak bermasa yang berkuat kuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Jika setelah dibahagikan mengikut setahun, nilai harga kontrak adalah kurang daripada RM200,000.00, maka kadar 2.5% hendaklah dikenakan. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh Penyebut harga hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.

- 25.2 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan sama ada dalam bentuk:

25.2.1 Jaminan Bank/ Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGGANTIKAN WINDOW BLINDS DI PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU, MENARA KIDURONG**

- 25.2.2 Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;
 - 25.2.3 Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;
 - 25.2.4 Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau
 - 25.2.5 Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).
- 25.3 Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.
